

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Okttober 2000**

**HMA 101 - Pengantar Pengajian Bahasa Malaysia**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Dengan menggunakan contoh daripada bahasa Melayu atau bahasa-bahasa lain, jawab **SEMUA** soalan berikut. Jawapan mesti ringkas, padat dan tepat.

1. Walaupun asal usul bahasa manusia tidak dapat ditentukan, linguist telah mengemukakan beberapa teori tentang perkara tersebut. Salah satu teori yang dimaksudkan ialah Teori Sekular. Kemukakan dan huraikan subteori-subteori Teori Sekular dan rumusan anda tentang asal usul bahasa berdasarkan subteori-subteori berkenaan.

(15 markah)

2. Apakah linguistik? Nyatakan dan terangkan subbidang-subbidang linguistik tulen dan linguistik gabungan yang terdapat dalam kajian linguistik.

(20 markah)

3. Pilih dan jawab satu soalan sahaja, sama ada soalan **4a. atau 4b.** yang berikut.

- a. Kedudukan lidah dan keadaan bibir memainkan peranan menghasilkan bunyi-bunyi vokal yang berlainan dalam bahasa Melayu baku. Huraikan.

(20 markah)

../2-

**ATAU**

- b. Jelaskan secara ringkas perbezaan daerah sebutan, cara sebutan dan keadaan pita suara sewaktu menghasilkan bunyi nasal dan letupan dalam bahasa Melayu baku.

(20 markah)

4. Apakah yang anda fahami dengan konsep pembakuan bahasa? Bincangkan bagaimana faktor dalaman menyebabkan wujud masalah dari segi pelaksanaan penggunaan sebutan baku bahasa Melayu di Malaysia.

(10 markah)

5. Pilih dan jawab satu soalan sahaja, sama ada soalan **5a. atau 5b.** yang berikut.

- a. Dengan menggunakan contoh yang sesuai bincangkan perbezaan antara morfem dengan perkataan.

(10 markah)

**ATAU**

- b. Berdasarkan Tatabahasa Dewan (1993) kemukakan dan huraikan definisi proses pemajmukan, penggandaan kata majmuk dan pengimbuhan kata majmuk dalam bahasa Melayu baku.

(10 markah)

6. Jelaskan dengan lengkap aspek ketaksaan melalui proses binaan ayat berikut:

*Pemain bola itu sedang menuang air di meja.*

(15 markah)

7. Pilih dan huraikan satu cara tradisi dan satu cara moden memberi makna.

(10 markah)